



PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
Artis Budaya (Penari)	B19	3	Kontrak

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PADAT (1) yang boleh didapati secara percuma di Kaunter Muzium Sultan Alam Shah atau melalui laman sesawang www.padat.gov.my dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,
D/A Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam.**
- ii. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan.
- iii. Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga dan permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.
- iv. Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup **ATAU** selepas 6 bulan dari tarikh temu duga (sekiranya dipanggil temu duga) adalah dianggap tidak berjaya.
- v. Tarikh Tutup Permohonan : **23 Mei 2023 (Selasa)**

Perincian Jawatan

a) Jawatan	:	Artis Budaya (Penari), Gred B19
b) Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
c) Klasifikasi Perkhidmatan	:	Bakat dan Seni
d) Taraf Jawatan	:	Kontrak

Jadual Gaji

Gaji	:	RM1,360.00 (Min.) – RM4,032.00 (Mak.)
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM300.00
Elaun Sara Hidup	:	Antara RM150.00 – RM350.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM100.00

Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM1,360.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM1,418.12); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM1,476.24).

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Ujian Khas

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

Syarat-Syarat (Tambahan)

- (a) Permohonan selain dari Kaum Bumiputera dialu-alukan.
- (b) Sekeping gambar penuh berukuran 3R perlu disertakan.